

## INTEGRASI METODOLOGI PENYELIDIKAN HUKUM ISLAM DENGAN PENYELIDIKAN KUALITATIF: SATU TINJAUAN AWAL

**Muhammad Ikhlas Rosele**

[ikhlas@um.edu.my](mailto:ikhlas@um.edu.my)

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

**Muhammad Safwan Harun**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

**Khairul Azhar Meerangani**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

**Mohd Farhan Md. Ariffin**

Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Johor

### **Abstrak**

Dalam penyelidikan hukum Islam semasa didapati telah menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif sebagai mana yang wujud dalam metodologi penyelidikan semasa. Akan tetapi dalam penyelidikan hukum Islam terdapat metodologi yang khusus sehingga pada lazimnya diabaikan dengan kewujudan metodologi penyelidikan semasa. Oleh itu, perlu difahami bahawa semangat metodologi kajian hukum boleh diintegrasikan dengan pendekatan penyelidikan semasa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpul data-data perpustakaan dan dianalisis secara induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian mendapati falsafah metodologi kajian hukum Islam perlu difahami dan barulah secara teknikal dapat dilaksanakan dalam dunia penyelidikan. Ia bagi memastikan data yang diperolehi adalah berautoriti dan analisis dilakukan adalah sah.

**Kata kunci:** Metodologi, hukum Islam, kualitatif, penyelidikan, usul al-fiqh.

## INTEGRATION OF METHODOLOGY OF THE STUDY OF ISLAMIC LAW WITH QUALITATIVE APPROACH: AN EARLY REVIEW

### **Abstract**

In current Islamic law research it is found to have used qualitative and quantitative approaches as those that exist in current research methodologies. However, in the research of Islamic law there is a specific methodology that is usually ignored with the existence of current research methodologies. Therefore, it should be understood that the spirit of law study methodology can be integrated with current research approaches. This study uses a qualitative approach by collecting library data and analyzing inductively, deductively and comparatively. The results of the study found that the philosophy of the methodology of the study of Islamic law needs to be understood and only then can it be technically implemented in the world of research. It is to ensure that the data obtained is authoritative and the analysis performed is valid.

**Keywords:** Methodology, Islamic law, qualitative, research, usul al-fiqh.

### **PENDAHULUAN**

Perkembangan dunia penyelidikan semasa memerlukan kaedah penyelidikan yang jelas dan pelbagai sesuai dengan kehendak kepada hasil dapatan yang tertentu. Oleh itu, telah banyak hasil kajian yang menjelaskan kaedah penyelidikan berdasarkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Bagi metodologi penyelidikan kualitatif khususnya dalam sains sosial telah ditulis oleh Mohd Awang, Haslina, R. Zirwatul Aida (2018), Mohd. Awang, et. al (eds.) (2019), Hennink, Hutter & Bailey (2011), Brennen (2013) dan seumpamanya.

Namun, dalam disiplin pengajian Islam, perlu kepada satu metodologi penyelidikan yang khusus. Pada dasarnya perkara ini tidak dijelaskan secara khusus dalam buku panduan penulisan disertasi atau tesis institusi penyelidikan seperti yang boleh dirujuk dalam buku panduan penulisan ilmiah akademi pengajian Islam (2012). Namun, metodologi penyelidikan yang sesuai dengan disiplin pengajian perlu dijelaskan walaupun pada asasnya kaedah penyelidikan moden masih boleh memenuhi jika dikuasai falsafah dan hubungannya.

Justeru, kajian ini akan mengenalpasti apakah yang difahami dengan kaedah penyelidikan Islam serta melakukan tinjauan untuk mengintegrasikan kaedah penyelidikan Islam dengan kaedah penyelidikan kualitatif yang lazim digunakan. Kajian ini adalah bersifat kualitatif dengan menggunakan data-data perpustakaan dan kemudiannya dianalisis secara induktif dan deduktif.

## KAEDAH PENYELIDIKAN ISLAM

Usaha mewujudkan kaedah penyelidikan Islam boleh didapati dalam Baharruddin (2006) yang cuba merungkai peluang penyelidikan kualitatif dalam ilmu falak. Usaha beliau antaranya menjelaskan peluang kajian-kajian kepada teks silam yang mengandungi elemen ilmu falak namun tidak menyatakan dengan jelas metodologi yang perlu digunakan. Nik Murshidah, et. al. (2018) juga cuba menjelaskan analisis tekstual atau analisis kandungan sebagai suatu metodologi penting dalam kajian Islam. Analisis tekstual adalah metodologi kesarjanaan dalam bidang kemanusiaan di mana teks dikaji berdasarkan pengkaryaannya, kesahihannya dan makna-makna teks. Mereka cuba memberikan perspektif penyelidikan Islam dalam metodologi analisis tekstual sebagai analisis “zahir”. Dalam bidang usul fiqh zahir adalah satu elemen analisis yang penting yang disebut sebagai zahir al-nas. Namun begitu, kajian ini tidak memperincikan elemen zahir ini sehingga tidak dapat dipastikan ia adalah selari dengan elemen zahir al-nas dalam metodologi usul fiqh.

Badlihisyam, et. al (2014) antara lain cuba menjelaskan metodologi penyelidikan dalam kerangka semasa. Kajian beliau adalah bersifat falsafah penyelidikan Islam selain menyatakan beberapa pendekatan semasa dalam metodologi pengumpulan data integrasi Islam dan barat seperti myais, urf (society and social), siyasah syar’iyyah (political demography). Noor Hisham dan Burhan (2019) juga mengambil pendekatan yang sama dalam usaha mewujudkan kaedah penyelidikan bersepada. Beliau cuba menghubungkan kaedah penyelidikan barat dengan world-view pandangan Islam seperti paradigm tauhid, falsafah kehambaan dan khalifah. Kajian ini juga cuba menapis beberapa pendekatan analisis yang dilihat tidak sesuai dengan world-view Islam seperti induktif positivisme, deduktif kritikal rasionalisme, retroduktif saintifik realisme dan abduktif interpretivisme. Nor Hanani (2017) juga memperkenalkan kaedah penyelidikan Islam secara konseptual. Kajian beliau masih lagi menyentuh elemen falsafah atau world-view seperti Islamization of knowledge. Beliau merumuskan elemen-elemen dalam penyelidikan Islam seperti falsafah Islam, penyelidikan berkaitan Islam, sumber Islam, ilmu dan pemikiran Islam, kaedah penyelidikan Islam (falsafah dan pengkaedahan).

Beberapa kajian yang mirip adalah seperti Rahimin Affandi (2000) mengenai etika penyelidikan Islam. Kemudian kajian Shahir Akram & Mohd Syahmir (2017) mengadaptasi elemen mantiq dalam kaedah penyelidikan Islam. Ia merangkumi elemen istiqra’, qiyas dan tamthil (qiyas usuli). Oleh kerana ilmu mantiq mempunyai peranan dalam usul fiqh, kajian beliau secara tidak langsung boleh dijadikan asas dalam pembentukan kaedah penyelidikan hukum Islam. Kebanyakan kajian penyelidikan hukum Islam yang dibincangkan adalah merangkumi aspek falsafah atau tasawur, justeru hubungannya dalam hukum Islam masih lagi perlu diperdalam, walaupun tidak dinafikan elemen tasawur dalam pembentukan hukum tidak boleh dinafikan sebagai mana kaedah الحکم على الشيء فرع عن تصوره.

Dalam pengajian syariah secara khusus, usaha memartabatkan metodologi penyelidikan telah pun diusahakan. Shahir Akram (2016) cuba membentuk penyelidikan Islam berdasarkan ilmu tafsir, ilmu tajwid, ilmu qiraat, ilmu hadith, ilmu aqidah, ilmu usul al-fiqh, qawa’id jiqhiyyah, proses penfatwaan dan sebagainya. Beliau dalam kajian awalnya menjelaskan keperluan ilmu syariah dan ‘aqliyyah untuk diaplikasikan dalam tiga bahagian utama penyelidikan Islam iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Rahimin Affandi (2002) juga dilihat memperkenalkan

kaedah penyelidikan hukum Islam semasa. Beliau menyatakan keperluan mengambil kira kaedah penyelidikan semasa dalam penyelidikan hukum Islam. Dalam kajian ini fokus utama adalah menggunakan pendekatan ijтиhad semasa. Idea ini sebenarnya senada dengan kajian Muhammad Ikhlas, Mohd Farhan, Mohd Anuar & Mohamad Zaim (2016), Nawawi (2013), Hadi Mutamam (2007) dan seumpamanya. Kajian Wan Mohd Khairul Firdaus (2014) pula menjurus kepada penyelidikan Islam dalam proses pemfatwaan. Kajiannya fokus kepada aspek etika, kualiti dan proses penyelidikan secara umum dalam perspektif pemfatwaan. Rahimin Affandi (2011) menyentuh elemen saintifik dalam penyelidikan syariah. Kajian beliau fokus dalam aspek pemikiran saintifik dalam penyelidikan syariah seperti analitik, sintesis dan seumpamanya.

Secara kasarnya, didapati kaedah penyelidikan kualitatif semasa telah ditulis dalam pelbagai bidang dan perspektif. Namun, dalam disiplin pengajian Islam kaedah penyelidikan mengenainya agak terhad dan mempunyai fokus yang luas yang meliputi aspek pemikiran dan falsafah (world-view dan tasawur). Manakala dalam aspek penyelidikan hukum Islam elemen ijтиhad menjadi fokus perbincangan. Jika ada yang berkaitan dengan kaedah penyelidikan semasa dalam perspektif hukum Islam, ia dibincangkan dengan ringkas. Justeru kajian ini akan melakukan integrasi kaedah penyelidikan hukum Islam dengan penyelidikan kualitatif semasa khususnya dari aspek kaedah pengumpulan data dan analisis data.

### KONSEP IJTIHAD DAN USUL AL-FIQH

Apabila menyentuh aspek kajian hukum Islam lazimnya perbincangan ijтиhad adalah sesuatu yang menjadi keutamaan. Namun dari perspektif yang lain perlu difahami dalam penguasaan ijтиhad elemen usul fiqh adalah sesuatu yang perlu dikuasai terlebih dahulu. Justeru artikel ini akan menjelaskan secara konseptual ijтиhad dan usul al-fiqh.

Ijтиhad dari sudut etimologi berasal dari perkataan Arab iaitu “Ijtihad” (اجتہاد) yang merupakan masdar daripada “ijtihada” (اجتہاد) (al-Ghalayini, 1986) yang membawa maksud bersungguh-sungguh (Ibn Manzur, t.t.). Ijтиhad dari sudut terminologi pula adalah mengerahkan usaha untuk melepaskan daripada keraguan dan mencapai ke tahap ghalabat al-zann dan keatas (Qal’aji, M. R., Qunaibi, H. S. & Sanu, K. M., 1996). Ijтиhad menurut terminologi fiqh adalah sebagaimana yang ditakrifkan oleh al-Zarkasyi (1992) iaitu:

Mencurahkan kesungguhan untuk mencari hukum syara’ yang berbentuk praktikal dengan melakukan proses istinbat

Takrif tersebut senada dengan apa yang dikemukakan oleh al-Asfahani (1987), iaitu;

Seorang faqih itu mengerahkan usahanya untuk memperolehi hukum syarak sehingga berada pada kedudukan zann

Daripada pentakrifan tersebut dapat dipastikan bahawa proses ijтиhad adalah dilakukan oleh seorang faqih yakni orang yang berkelayakan dalam bidang fiqh atau digelar sebagai mujtahid. Selain itu, proses ijтиhad bukanlah suatu proses yang mudah ini kerana ia memerlukan seseorang pakar untuk memerah dan mencurahkan segala kemahirannya untuk memperolehi hukum bagi sesuatu permasalahan. Oleh kerana itu, ijтиhad adalah sinonim dengan sebarang usaha dan kesungguhan ilmiah. Metodologi utama dalam melakukan ijтиhad adalah penguasaan usul al-fiqh yang juga boleh difahami sebagai kaedah penyelidikan hukum Islam.

Usul al-Fiqh merupakan istilah Bahasa Arab yang menggabungkan dua perkataan iaitu Usul dan Fiqh. Hal yang sama didapati dalam ilmu lain seperti Usul al-Tafsir gabungan usul (asas) dan tafsir serta ‘Ulum al-Hadith yang merupakan gabungan ulum (ilmu) dan hadith. Justeru itu, untuk mengetahui makna usul al-fiqh dengan lebih terperinci, sewajarnya didalami makna-makna yang terpisah dahulu. Fiqh dari sudut bahasa bererti kefahaman yang mendalam. Hal ini difahami daripada surah al-Nisa’ ayat 78:

فَمَالِ هُؤُلَاءِ الْقَوْمُ لَا يَكُونُونَ يَقْرَئُونَ حَدِيثًا

Terjemahan: Maka mengapa orang-orang itu (orang munafik) Hampir-hampir tidak memahami pembicaraan sedikitpun?

Kefahaman yang sama wujud di dalam hadis Nabi SAW:

مَنْ يُرِدَ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفْقَهُ فِي الدِّينِ

Terjemahan: “Barangsiapa yang Allah SWT mahu dia menjadi baik, Dia akan berikannya kefahaman dalam bidang agama.”

(Hadis riwayat Muslim)

Al-Fiqh dari sudut Istilah pula adalah satu ilmu terhadap hukum syarak yang praktikal, yang diperolehi daripada dalil-dalil yang terperinci (al-Ansari, 1941). Oleh itu ilmu fiqh secara umumnya tertumpu kepada dua perkara utama:

- i. Ilmu yang membahaskan hukum syarak yang berbentuk amali.
- ii. Ilmu yang membahaskan secara terperinci dalil hukum bagi setiap masalah.

Perkataan usul pula berasal dari Bahasa Arab yang kata jamak bagi al-asl (a-sa-la). Dalam Bahasa Arab, usul membawa maksud asas kepada sesuatu pembinaan atau apa yang bersandarnya kewujudan sesuatu kepadanya (al-Fawzan, 1430H).

Setelah memahami secara asas makna usul fiqh, dapat disimpulkan bahawa secara kasarnya usul fiqh adalah asas kepada ilmu terhadap hukum syarak. Sebahagian ulama usul pula menyatakan maksud usul fiqh adalah adillah al-Fiqh (dalil-dalil fiqh). Namun begitu, sewajarnya satu titik temu terhadap makna usul fiqh diperlukan untuk menyelaraskan kefahaman berkenaan dengannya. Dari sudut Istilah ia membawa maksud (al-Zuhayli, 1999):

تَبَلِّصَفَتْ لَا اهْتَدَأْ نَمَّ تَقْلِيمَلَا تَبَعِرَ شَلَا مَكْدَلَا طَابِنَسَا إِلَى دَهْجَمَا إِبْلِ صَوْتِيَتْ لَا دَعَوْفَا

Terjemahan: Iaitu satu ilmu yang dengannya akan sampai oleh mujtahid kepada mengistinbatkan hukum -hukum syarak yang praktikal daripada dalil-dalilnya yang terperinci.

Pada hakikatnya ijtihad dan usul fiqh mempunyai hubungan yang rapat, seseorang yang menguasai ilmu usul fiqh mampu untuk berijtihad dan mengeluarkan pandangan hukum setelah memenuhi beberapa syarat lain. Manakala, sesuatu ijtihad itu tidak dapat dijalankan tanpa usul al-fiqh. Usul al-fiqh adalah ilmu alat manakala ijtihad adalah suatu proses. Selain usul al-fiqh, beberapa pendekatan lain juga boleh dikategorikan sebagai metode kajian hukum Islam seperti *al-qawa'id al-fiqhiyyah*, *dawabit al-fiqhiyyah*, *takyif fiqhi* dan sebagainya.

Jelaslah bahawa ijtihad adalah satu proses dalam penyelidikan hukum manakala usul al-fiqh adalah alat ijtihad (yang boleh digolongkan sebagai metodologi). Kemudian natijah kepada ijtihad tersebut disebut sebagai hasil ataupun dapatan kajian.

## INTEGRASI METODE KAJIAN HUKUM ISLAM DENGAN KAEDAH PENYELIDIKAN KUALITATIF

Hukum Islam atau lebih khusus disebut sebagai fiqh adalah ilmu yang terhasil daripada pengamatan ulama terhadap sumber primer di dalam Islam. Sumber primer yang diakui adalah al-Quran dan Hadis yang sahih. Namun, wujud sumber-sumber lain yang berautoriti untuk dijadikan sandaran oleh majoriti ulama. Dalam menyelesaikan isu dan permasalahan yang timbul sumber-sumber ini perlu dirujuk dalam disiplin penyelidikan Islam pada peringkat pertama. Sumber ini terbahagi kepada sumber yang disepakati dan tidak disepakati sebagaimana jadual 1 berikut;

Sumber Yang Disepakati	Sumber Yang Tidak Disepakati
Al-Quran Al-Sunnah Ijmak Qiyas	<i>Istihsan</i> Amalan ahli Madinah <i>Syar' man qablana</i> Istishab 'Uruf <i>Sad al-Dhari 'ah</i> Mazhab sahabat <i>Masalih mursalah</i>

Namun, dalam penyelidikan hukum Islam tidak setakat merujuk kepada sumber-sumber berkenaan, terdapat banyak kaedah yang digunakan untuk mengeluarkan hukum dari sumber-sumber tersebut. Antaranya adalah merujuk kepada kaedah Bahasa, dalalah lafaz (petunjuk lafaz) dan kaedah-kaedah usul yang lain. Kaedah-kaedah seperti tanqih al-manat, takhrij al-furu' 'ala al-usul, takhrij al-furu' 'ala al-furu' juga boleh dikategorikan pada peringkat ini (peringkat kedua). Kemudian, ulama telah menyusun kaedah-kaedah yang boleh dirujuk dalam mengendalikan kes atau menyelesaikan isu, kaedah ini adalah terbit dari himpunan masalah-masalah fiqh dan ada yang disokong daripada data-data yang berautoriti dalam hukum Islam yang disebut sebagai kaedah fiqh (*al-qawa'id al-fiqhiyyah*) dan *dawabit al-fiqhiyyah* (peringkat ketiga).

Pada akhirnya, apabila wujud percanggahan hasil atau kesimpulan hukum yang terbit dari penyelidikan ini atau kesukaran untuk mendapatkan jawapan hukum, para ulama telah menyusun kaedah-kaedah yang sangat membantu yang boleh dikategorikan kepada peringkat keempat penyelidikan iaitu *al-ta'arud wa al-tarjih*. Kesemua metodologi ini perlu diperincikan dan tidak boleh diabaikan dalam penyelidikan semasa.

Walau bagaimanapun, dalam realiti hari ini istilah-istilah baru penyelidikan moden telah wujud. Fokus penyelidikan adalah melibatkan kaedah persampelan atau pengumpulan data dan kaedah analisis kepada data. Justeru kajian tidak menyentuh aspek pembentukan masalah kajian, sorotan literature, objektif dan seumpamanya. Dalam penyelidikan moden, kaedah pengumpulan data kualitatif dapat dilakukan melalui kaedah persampelan nonprobability samples dan probability samples. Data juga dikumpul daripada dokumen atau bahan-bahan perpustakaan dalam pelbagai bentuk yang boleh dikategorikan sebagai *nonreactive research* dan *secondary analysis* tertakluk kepada kehendak kajian dan juga temubual.

Terdapat beberapa bentuk persampelan nonprobability antaranya adalah seperti persampelan *adaptive*, *convenience*, *deviant case*, *purposive*, *quota (kouta)*, *sequential*, *snowball* dan *theroritical*. Contohnya purposive sampling (persampelan bertujuan), iaitu dengan mengambil semua kemungkinan kes yang sesuai dengan kriteria tertentu melalui metodologi yang pelbagai. Manakala persampelan adaptif adalah mengambil sebahagian kes menggunakan pengetahuan seperti berkait dengan lokasi populasi terpencil (Neuman, 2013).

Selain itu terdapat bentuk persampelan *probability* seperti bentuk persampelan kluster, simple random, stratified dan sistematik. Contohnya bentuk persampelan kluster adalah dengan membentuk kerangka sampel bagi unit kluster yang besar, atau memilih sampel secara rawak dari unit kluster, membentuk kerangka persampelan bagi kes yang berada pada setiap unit kluster terpilih dan kemudiannya memilih sampel kes secara rawak dan selanjurnya (Neuman, 2013).

Setelah data dikumpul, ia akan dianalisis berpandukan metodologi kajian yang sesuai. Dalam perbincangan metodologi semasa, kaedah analisis akan ditentukan melalui bentuk penyelidikan yang dilakukan contohnya kajian nonreactive biasanya akan dianalisis secara analisis kandungan. Bagi kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif, beberapa metodologi kajian akan digunakan seperti; *ethnography*, *netnography*, *ethnomethodology*, *conversation analysis*, *narrative analysis*, *grounded*

*theory, qualitative comparative analysis, case-oriented understanding* (Schutt, 2012) dan metodologi yang sering digunakan dalam penyelidikan Islam seperti induktif, deduktif dan komparatif (Patton, 2002).

Namun, falsafah metodologi penyelidikan ini tidak difahami dengan baik dalam penyelidikan hukum Islam. Bahkan ia masih belum Berjaya dihubungkan dengan ilmu usul fiqh atau qawa'id fiqh. Sehingga penggunaannya dilihat setakat memenuhi ruang metodologi. Metodologi kajian moden perlu diakui dari sudut *validity, reliability* dan seumpamanya. Semangat yang sama wujud dalam penyelidikan hukum Islam agar hukum yang diputuskan itu menepati kehendak syarak dan mendatangkan maslahah kepada manusia. Kerana itu unsur reliability dan validity juga wujud dan perlu diserahkan dalam penyelidikan hukum Islam. Justeru, perlu kajian untuk menghubungkan falsafah penyelidikan moden ini dengan metodologi penyelidikan hukum Islam sebagai contoh apakah al-qiyas itu boleh dikategorikan sebagai induktif, kaedah fiqh sebagai deduktif, mengenalpasti uruf melalui kaedah persampelan yang sesuai dan sebagainya.

Dari perspektif kaedah kajian hukum Islam, pada hakikatnya apabila menyentuh kepada aspek penyelidikan Islam, lazimnya penekanan berikut diberikan;

- 1- Falsafah penyelidikan Islam yang diterjemahkan dalam karya agung ulama (Rosnani, 2004; Ahmad Munawar & Mohd. Nor, 2018)
- 2- Kerangka pemikiran Islam merangkum world-view Islam, elemen mantiq dan ilmu kalam (Badlihisyam, et. al., 2014).
- 3- Etika-etika muslim dalam penyelidikan (Rahimin Affandi, 2000; Ahmad Munawar & Mohd. Nor, 2018)

Sedangkan, elemen yang melibatkan penyelidikan hukum Islam adalah sesuatu yang penting kerana dalam realiti di Malaysia ia melibatkan, keputusan fatwa, keputusan hakim atau qadi, keputusan syariah dalam institusi kewangan Islam dan model-model perlaksanaan institusi Islam seperti wakaf, zakat dan haji. Dengan integrasi penyelidikan kualitatif semasa dan kaedah penyelidikan hukum Islam sudah tentu akan mempertingkatkan kualiti hasil dapatan kajian dan penyelidikan dan memantapkan penyelidikan dalam disiplin pengajian Islam.

## KESIMPULAN

Memahami kaedah penyelidikan semasa adalah sesuatu yang penting dalam dunia penyelidikan. Namun, dalam konteks penyelidikan hukum Islam penguasaan terhadap kaedah kajian hukum juga adalah sesuatu yang perlu. Mengintegrasikan kedua-dua kaedah penyelidikan tersebut adalah satu usaha yang sewajarnya dilakukan. Hal ini bagi memastikan kaedah kajian hukum tidak terabai oleh kebergantungan kepada kaedah penyelidikan barat yang moden. Kajian ini adalah satu bentuk kajian awal kepada usaha mengintegrasikan dua kaedah tersebut. Oleh itu, satu kajian yang lebih mendalam dan lebih analitik perlu dilakukan oleh para penyelidik.

## RUJUKAN

- Ahmad Munawar I. & Mohd. Nor S. A. (2018). Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam. Bangi: UKM.
- Al-Ansari, Zakariya (1941). Ghayah al-Wusul Syarh Lub al-Usul. Al-Qahirah: Maktabah wa Matba'ah al-Babi al-Halabi.
- Al-Asfahani, Mahmud bin 'Abd al-Rahman (1987). Bayan al-Mukhtasar Syarh Mukhtasar Ibn al-Hajib. Jeddah: Dar al-Madani.
- Al-Fawzan, 'Abd Allah bin Salih (1430H). Syarh al-Waraqat fi Usul al-Fiqh. Qatar: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah.
- Al-Zarkasyi, Muhammad (1992). Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh. al-Ghardaqah: Dar al-Sofwah.
- Al-Zuhayli, Wahbah (1999). Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Badlihisyam M. N., et. al. (2014). Penyelidikan dalam Penguruan Tinggi Islam Era Kontemporer : Harapan Dan Tujuan. Jurnal Studi Islam: Medina-Te, 10(2): 53-74.

- Baharrudin Z. (2006). "Peluang-peluang Penyelidikan Kualitatif dalam Ilmu Falak." Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penghayatan Ilmu Falak 2006, Jabatan Mufti Negeri Melaka, The Legacy Hotel, Melaka, 25 November 2006.
- Brennen, B. S. (2013). Qualitative Research Methods for Media Studies. New York: Routledge.
- Hadi Mutamam, H. (2007). Ijtihad al-Ilmi al-,,Ashri (Modern Scientific Ijtihad). MAZAHIB, IV(2).
- Hennink, M., Hutter, I. & Bailey, A. (2011). Qualitative Research Methods. London: SAGE.
- Ibn Manzur (t. t.). Lisan al-'Arab. Kaherah : Dar al-Ma'arif.
- Mohd Awang I., et. al. (eds.) (2018). Penyelidikan Sains Sosial: Aplikasi Teori dan Metodologi. Kuala Lumpur: UM Press.
- Mohd Awang I., Haslina M., R Zirwatul Aida R. I. (2018). Metodologi Penyelidikan Sains Sosial. Kuala Lumpur: UM Press.
- Muhammad Ikhlas R., Mohd Farhan M. A., Mohd Anuar R. & Mohamad Zaim I. (2016). Pendekatan Ijtihad Kontemporer Dalam Isu Semasa di Malaysia. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporer, 13: 53-66.
- Nawawi, N. (2013). Ijtihad di Era Globalisasi. Al-Risalah, 13(1): 195-208.
- Neuman, W. L. (2013). Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches. Edinburgh: Pearson.
- Nik Murshidah N. D. et. al. (2018). Analisis Tekstual Sebagai Method Dalam Memahami Ungkapan Puisi Imam Al-Shafie R.H.M. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporer, 19: 126-134.
- Noor Hisham M. N & Burhan C. D. (2019). Kaedah Penyelidikan Islam Bersepadu: Pencarian Kebenaran dan Keberkatan Ilmu. Journal of Islamic Social, Economics and Development (JISED), 4(19): 84-96.
- Nor Hanani I. (2017). "Penyelidikan Islam: Satu Analisis Konseptual." Kertas kerja dibentangkan di seminar WAQF-IQLIMI IV pada 19-20 September 2017, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM.
- Patton, M. Q. (2002). Qualitative Research and Evaluation Methods. California: SAGE.
- Pejabat Ijazah Tinggi APIUM (2012). Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Pejabat Ijazah Tinggi.
- Qal'aji, M. R., Qunaibi, H. S. & Sanu, K. M. (1996). Mu'jam Lughat al-Fuqaha'. Bayrut: Dar al-Nafa'is
- Rahimin Affandi A. R. (2000). Etika Penyelidikan Islam: Suatu Analisa. Jurnal AFKAR, 1: 177-196.
- Rahimin Affandi A. R. (2002). Ke Arab Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini: Satu Pengenalan. Jurnal Syariah, 10 (1): 1-24.
- Rahimin Affandi A. R. et. al. (2011). Aplikasi Elemen Pemikiran Saintifik dalam Pengajian Syariah: Satu Pendekatan. Informika, 1: 121-136.
- Rosnani, H. (2004) Falsafah penyelidikan pendidikan dari perspektif Islam: konsep dan matlamat. Jurnal Pendidikan Islam, 11 (1): 1-16.
- Schutt, R. K. (2012). Investigating the Social World: The Process and Practice of Research. USA: SAGE.
- Shahir Akram H. & Mohd Syahmir A. (2017). Strategi Penyelidikan Islam Berdasarkan Kaedah Penaakulan dalam Ilmu Mantik. Malaysian Journal for Islamic Studies, 2: 19-25.
- Shahir Akram H. (2016). "Pembinaan Kaedah Penyelidikan Islam Berdasarkan Disipli-Disiplin Ilmu dalam Epistemologi Islam". Kertas kerja yang dibentangkan di Konferensi Internasional Pembangunan Islami (KIPI 3), anjuran bersama PusKAPI, Universitas Jember dan ISDEV, Universiti Sains Malaysia, pada 21 hingga 23 September 2016, di Universitas Jember, Jember, Indonesia.
- Wan Mohd Khairul Firdaus W. K. (2014). "Aplikasi Proses Penfatwaan Dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam". Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Sains Malaysia.